

# ZAINUDDIN MAIDIN

KARYAWAN TAMU INSTITUT PEMIKIRAN  
TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD, UUM



## HARI ITU SUDAH BERLALU

**DENGAN EPISOD-EPISOD TERBAHARU!**  
**ANTARANYA MB KAHWIN PUTERI RAJA**

PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA






**HARI ITU SUDAH BERLALU**



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA



# HARI ITU SUDAH BERLALU

## ZAINUDDIN MAIDIN

KARYAWAN TAMU INSTITUT PEMIKIRAN  
TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD, UUM

PUSTAKA PERDANA



1008722

UTUSAN PUBLICATIONS & DISTRIBUTORS SDN BHD



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

**Diterbitkan Oleh:**  
*Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd*  
*No. 1 & 3, Jalan 3 91A*  
*Taman Shamelin Perkasa, Cheras*  
*56100 Kuala Lumpur*  
*Tel: 03-92856577*  
*Fax: 03-92846554 92875763*  
*laman web: www.mybooks.com.my*

© *Zainuddin Maidin*  
*Terbitan Pertama 2011*

*Hak cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin pemilik hak cipta terlebih dahulu*

**Perpustakaan Negara Malaysia**

**Data Pengkatalogan-  
dalam-Penerbitan**

**Zainuddin Maidin**

Hari itu sudah berlalu **Zainuddin Maidin.**

ISBN 978-967-61-2429-6

1. Malaysia--History. 2. Malaysia--Politics and government

I. Judul.

959.5

**Keterangan gambar kulit.**

**Zainuddin Maidin (Zam) (2008) dan**

**pada usia 18 tahun (1957) sebagai**

**pemberita sambilan Utusan Melayu di Alor Setar.**

**Kulit belakang:**

**Mesin taip yang pertama digunakan**

**oleh Zam pada tahun 1957**

*Dicetak oleh*

**UNIPRESS PRINTER SDN BHD**

*Lot 123A, Jalan TIAJ 2/1*

*Taman Industri Alam Jaya*

*Bandar Puncak Alam*

*42300 Selangor Darul Ehsan*



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

9595  
31

# PENGHARGAAN

---

Buku ini adalah kompilasi catatan sebahagian daripada pengalaman saya sebagai wartawan Utusan Melayu selama lebih 30 tahun yang telah pun disiarkan di dalam *Mingguan Malaysia*. Ini saya lakukan atas permintaan ramai.

Agar tidak menjemukan pembacaan, saya membuat catatan ini secara naratif dengan memberikan fakta-fakta benar tentang beberapa peristiwa penting tanah air yang saya saksikan sendiri atau pengalaman saya yang ingin dikongsikan bersama.

Sebagai wartawan saya mencatatkan peristiwa kecil dan besar secara sambil lalu dan tidak menulisnya dengan mendalam kerana senantiasia dalam keadaan tegesa-gesa untuk mengejar hari esok yang datang dengan pelbagai peristiwa baharu. Peristiwa semalam tidak lagi menarik seperti peristiwa hari ini dan tinggal manis dan pahitnya dalam kenangan.

Dalam membuat catatan masa lalu saya senantiasia terkenangkan rakan-rakan seiring jalan yang masih ada atau yang sudah pergi dan juga anak-anak Utusan Melayu yang terasuh oleh saya untuk mewarisi suatu profesion yang mulia dan membanggakan.

Terima kasih kepada semua yang telah menemani saya seketika atau sepanjang masa saya berkhidmat di Utusan Melayu. Anda semua telah mencerikan hidup saya dengan kenangan-kenangan manis dan indah.

ZAINUDDIN MAIDIN

# PRAKATA

---

Tan Sri Zainuddin Maidin ZAM sejak dari dahulu sering menasihatkan saya supaya menyimpan keratan-keratan akhbar serta catatan-catatan dan apa jua bahan yang boleh dijadikan rujukan bagi pengalaman seseorang, khususnya para wartawan

Ini menurut beliau, pengalaman wartawan mempunyai nilai besar kerana ia membabitkan peristiwa-peristiwa bersejarah dan tentu menarik minat kepada para pengkaji atau peminat sejarah pada masa akan datang.

Dalam hal ini, tentunya beliau telah menunjukkan contoh yang baik apabila terdapat bahan-bahan sejarah seperti catatan-catatan, tulisan-tulisan malah cebisan-cebisan seperti tiket bas yang boleh menyokong atau menghias sesuatu tulisan pada seseorang apabila hendak menulis buku atau memoir

Nasihat beliau masih relevan bagi wartawan atau sesiapa yang hendak menulis buku yang berasaskan pengalaman. Maka wajarlah generasi akan datang walaupun hidup dalam zaman Internet mengambil perhatian terhadap nasihat beliau, lebih-lebih lagi kini komputer peribadi yang tidak menyimpan tulisan dalam bentuk cetakan boleh menghilangkan sesuatu bahan dengan begitu saja

Sebagai Pengarang, *Mingguan Malaysia*, saya merupakan pembaca akhir tulisan ZAM yang dihantar untuk disiarkan dalam akhbar ini, iaitu sebelum dicetak. Bagi saya, secara peribadi sememangnya seronok membaca tulisan-tulisan beliau lebih-lebih lagi apabila beliau memaparkan pengalamannya sebagai wartawan pada zaman tahun-tahun 70-an dahulu.

Ini kerana saya berkongsi minat dan semangat terhadap kewartawanan dan politik seperti beliau juga khususnya dari segi politik perjuangan kemerdekaan, fahaman kiri dan proses pembinaan negara. Walaupun

saya tidak dewasa pada tahun-tahun 70-an oleh kerana saya masih bersekolah, tetapi kisah-kisahnyanya membuatkan saya berminat untuk merasai apa yang berlaku pada tahun-tahun 50-an, 60-an dan 70-an.

Bagi saya tahun-tahun itu adalah zaman kehebatan kewartawanan akhbar Melayu yang saya rasa tidak dapat dilalui dan dijiwai oleh wartawan zaman sekarang termasuk diri saya. Maka kisah-kisah beliau itu menjadi panduan, dan lebih daripada itu ialah semangat dalam menjalankan kerjaya kewartawanan.

Saya tidak mengenal ZAM semasa saya di bangku sekolah. Wartawan yang menjadi kekaguman saya datang daripada pembacaan saya iaitu Samad Ismail dan Samad Said. Begitu juga dengan tokoh-tokoh wartawan dan politik kemerdekaan, antaranya Pak Sako, Ahmad Boestamam, Usman Awang dan Said Zahari.

Cumanya dari pembacaan *Utusan Melayu*, *Utusan Zaman*, *Utusan Malaysia* dan *Mingguan Malaysia* pada tahun-tahun 70-an, ada juga saya ingat mengikuti tulisan-tulisan Mazlan Nordin, Subky Latif dan ZAM sendiri. Apa yang saya ingat tentang ZAM ialah kolum beliau yang ditulisnya dari Berlin, Jerman.

Hanya setelah saya menyertai *Utusan Malaysia* pada tahun 1982, dan beliau kembali dari Berlin untuk menyandang jawatan Pengarang, *Utusan Malaysia*, barulah saya kenal beliau iaitu sebagai bos saya, yang akhirnya menjadi sahabat hingga ke hari ini.

Apa yang ditakdirkan, saya lebih rapat kepada beliau selepas ZAM tidak menjadi Ketua Pengarang Kumpulan Utusan. Beliau sekali lagi menjadi bos saya ketika menjadi Pengerusi Eksekutif, Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd. Pada waktu itu, beliau pernah membawa saya melawat ke kampung kelahirannya di Kuala Muda, yang antara kisahnya dipaparkan dalam buku ini.

Saya percaya tidak ada tokoh wartawan lain yang boleh menyamai keunggulannya. Beliau adalah satu-satunya wartawan Malaysia yang mencapai kedudukan menyandang jawatan menteri iaitu Menteri Penerangan tanpa menceburkan diri dalam politik kepartian. Tetapi bagi saya beliau lebih menghargai zamannya sebagai wartawan lebih daripada ketika menjadi menteri.

Pengalaman beliau yang dibukukan ini amat berharga bagi generasi akan datang. Ada sesetengah pembaca menganggap hanya buku yang

ditulis secara ilmiah dengan kajian mendalam dan berbentuk akademik mempunyai harga. Tetapi tentulah buku datang dalam pelbagai bentuk. Ahli-ahli akademik tentu menghasilkan buku akademik. Sasterawan menghasilkan karya sastera. Tetapi sesiapa pun boleh menulis memoir dan autobiografi. Tetapi wartawan adalah saksi sejarah. Pengalamannya adalah cerita peristiwa. Ia melangkaui memoir dan autobiografi. Walaupun ia bukan buku akademik tentunya ia boleh dijadikan bahan rujukan akademik.

Semua manusia ada zamannya. Generasi kemudian akan berusaha untuk memahami mengapa orang dahulu bertindak sebegitu rupa. Walau apa pun cuba hendak difahami tetapi generasi kemudian tidak akan dapat menghayati apa yang dilalui orang terdahulu. Paling dekat mereka hanya boleh mengagak. Itulah lumrah alam, apabila hari itu sudah berlalu, maka ia berlalulah jua, segala kisah tidak akan dapat mencerminkan sesuatu yang berlalu itu secara tepat. Yang lalu biarlah berlalu, paling tidak jadinya sempadan di samping melihat perkara lalu sebagai karya kehidupan seseorang.

Selamat membaca

ZIN MAHMUD

Pengarang, *Mingguan Malaysia*